

BETAMETHASONE TABLET

Betamethasone (0.5mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Betamethasone Tablet
2. Bagaimana Betamethasone Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Betamethasone Tablet
4. Cara menggunakan Betamethasone Tablet
5. Semasa menggunakan Betamethasone Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Betamethasone Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Betamethasone Tablet

Betamethasone Tablet digunakan untuk merawat simptom-simptom inflamasi dan/atau reaksi alahan, termasuk:

- bengkak
- kemerah-merahan
- gatal-gatal

Ia juga digunakan untuk menahan hiperplasia adrenal kongenital (kumpulan gangguan kelenjar adrenal yang diwarisi) dan edema serebrum (pengumpulan lebih cecair dalam otak).

Walaupun Betamethasone Tablet boleh melegakan simptom-simptom penyakit ini, tetapi ia tidak menyembuhkannya.

Bagaimana Betamethasone Tablet berfungsi

Betamethasone Tablet mengandungi betamethasone sebagai bahan aktif. Betamethasone merupakan sejenis glukokortikoid dan tergolong dalam ubat yang dikenali sebagai kortikosteroid.

Sebelum menggunakan Betamethasone Tablet

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil Betamethasone Tablet jika anda mempunyai alahan terhadap:

- betamethasone
- sebarang kandungan yang disenaraikan di hujung risalah ini.
- sebarang ubat kortikosteroid

Simptom-simptom reaksi alahan termasuk:

- asma, berdehit, sukar bernafas atau rasa sempit di dada anda.
- bengkak pada muka, bibir, lidah atau bahagian badan yang lain
- ruam, gatal-gatal, bintik-bintik merah, atau kulit kemerahan

Jangan mengambil Betamethasone Tablet jika anda mempunyai jangkitan yang serius dan jangka pendek kerana ia akan mengganggu tindak balas keradangan dan imunologi.

- Sebelum menggunakan Betamethasone Tablet

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang makanan, pengawet atau pewarna.

Beritahu doktor anda jika anda hamil atau merancang untuk hamil. Jika ia adalah perlu bagi anda untuk memulakan Betamethasone Tablet, doktor anda akan berbincang tentang manfaat dan risiko mengambil ubat ini semasa kehamilan.

Beritahu doktor anda jika anda sedang menyusukan bayi atau merancang untuk menyusukan bayi. Bahan aktif Betamethasone meresap ke dalam susu ibu dan mungkin menjejaskan bayi anda. Jika ia adalah perlu bagi anda untuk memulakan Betamethasone Tablet, doktor anda akan berbincang tentang manfaat dan risiko mengambil ubat ini semasa menyusukan bayi.

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai atau pernah mengalami sebarang masalah kesihatan seperti yang berikut:

- *instestinal anastomoses* baru-baru ini (prosedur pembedahan untuk menyambung dua bahagian usus yang jauh)
- penyakit jantung
- tekanan darah tinggi
- kemerosotan fungsi buah pinggang atau hati
- penyakit kencing manis
- tahap lipid darah (lemak) tinggi
- jangkitan kulat
- glaukoma (peningkatan tekanan dalam mata)
- paras lipid (lemak) dalam darah tinggi
- *osteoporosis* (tulang lemah dan rapuh)
- *hypoalbuminemia* (tahap darah albumin yang rendah)
- jangkitan Herpes mata, bibir, mulut atau gusi.
- masalah tiroid
- *systemic lupus erythematosus* (penyakit autoimun di mana sistem imun badan tersilap menyerang tisu yang sihat)
- *tuberculosis* (penyakit berjangkit yang serius yang terutamanya menjejaskan paru-paru)

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan Betamethasone Tablet boleh bertindak balas antara satu sama lain. Ini termasuk:

- hormon estrogen
- digitalis glycosides, ubat-ubatan yang digunakan untuk merawat kegagalan jantung
- barbiturates

- ubat-ubatan yang digunakan untuk merawat sawan seperti carbamazepine, phenytoin dan primidone
- antibiotik tertentu seperti rifampicin
- anti-inflamasi seperti salicylates dan non-steroidal anti-inflammatory drugs (NSAIDs)
- anticoagulants, ubat-ubatan yang digunakan untuk menghalang pembekuan darah
- asid folik

Ubat-ubat ini mungkin dipengaruhi oleh Betamethasone Tablet atau mungkin menjejaskan fungsinya. Anda mungkin perlu mengambil ubat anda dalam jumlah yang berlainan atau anda mungkin perlu mengambil ubat yang berlainan.

Doktor atau ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat-ubat yang perlu diberi perhatian atau perlu dielakan semasa mengambil ubat ini.

Cara menggunakan Betamethasone Tablet

- Berapa banyak harus digunakan

Bagi dewasa, 0.5mg-7mg, diambil sekali sehari atau diambil beberapa kali sehari.

- Bila perlu digunakan

Ambil Betamethasone Tablet seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan Betamethasone Tablet untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Jika sudah dekat waktu dos seterusnya, tinggalkan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya mengikut jadual biasa.

Jika tidak, ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat dan kemudian kembali mengambil ubat anda seperti biasa.

Jangan gantikan dos untuk menggantikan dos yang terlupa dengan mengambil lebih daripada satu dos pada masa yang sama. Ini mungkin meningkatkan peluang anda mendapat kesan sampingan yang tidak diingini.

Jika anda tidak pasti apa yang perlu dilakukan, sila tanya doktor atau ahli farmasi anda.

Jika anda sukar mengingati masa untuk mengambil ubat anda, minta petua daripada ahli farmasi anda.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil Betamethasone, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat.

Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Semasa menggunakan Betamethasone Tablet

- Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda hamil semasa mengambil Betamethasone Tablet, beritahu doktor anda dengan segera.

Bincang dengan doktor anda mengenai pengambilan alkohol. Jika anda minum alkohol semasa mengambil Betamethasone Tablet, risiko mendapat ulser atau berdarah meningkat.

Beritahu semua doktor, doktor gigi atau ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Betamethasone Tablet.

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil Betamethasone Tablet.

Tanya doktor anda bila dan bagaimana anda patut berhenti mengambil Betamethasone Tablet.

Jika anda telah mengambil ubat ini untuk masa yang panjang, doktor anda mungkin perlu mengurangkan kuantiti ubat yang anda ambil secara beransur-ansur untuk tempoh beberapa hari, minggu atau bulan sebelum berhenti sepenuhnya.

Gejala memberhentikan ubat secara mengejut termasuk kelesuan, kelemahan otot, sakit otot atau sendi, sakit perut atau belakang, pening, pengsan, demam, kehilangan selera makan berpanjangan, loya, muntah-muntah, sesak nafas, atau sakit kepala kerap yang tidak dapat dijelaskan, keletihan atau rasa lemah yang luar biasa, kehilangan berat badan yang cepat, paras gula darah yang rendah, tekanan darah rendah dan dehidrasi. Kemunculan semula penyakit juga boleh berlaku.

Jika anda hanya mengambil Betamethasone Tablet untuk jangka masa pendek sahaja, ini mungkin tidak berkenaan dengan anda

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan memberi Betamethasone Tablet kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

Jangan mengambil Betamethasone Tablet untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati apabila memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana Betamethasone Tablet mempengaruhi anda.

Ubat ini mungkin menyebabkan rasa pening di kalangan sesetengah orang. Jika anda mengalami sebarang simptom-symptom ini, jangan memandu, mengendalikan mesin atau melakukan perkara lain yang boleh membahayakan.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Betamethasone Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Beritahu doktor anda jika anda mendapati mana-mana yang berikut:

- selera makan meningkat
- senak
- kegemuruhan atau kegelisahan
- masalah untuk tidur
- katarak (kekaburan kanta dalam mata yang menjejaskan penglihatan)
- perubahan warna kulit
- pening
- kemerahan muka atau pipi
- peningkatan pertumbuhan rambut pada badan atau muka yang luar biasa

Beritahu doktor anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah pesakit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Betamethasone Tablet

- Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam pek sehingga tiba masa untuk mengambilnya. Jika anda mengeluarkan ubat daripada pek, ia mungkin tidak dapat dikekalkan dalam keadaan yang baik.

Simpan ubat anda di tempat yang sejuk dan kering pada suhu di bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya.

Jangan simpan Betamethasone Tablet atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki. Jangan tinggalkan ubat di dalam kereta atau atas unjuran tapak tingkap. Haba dan kelembapan boleh merosakkan sesetengah ubat.

Simpan Betamethasone Tablet di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak. Almari yang berkunci sekurang-kurangnya satu setengah meter dari aras lantai ialah tempat yang sesuai untuk menyimpan ubat.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Betamethasone Tablet berdiameter 8mm, berbentuk bulat, rata, bergores dan berwarna biru.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Setiap Betamethasone Tablet mengandungi 0.5mg *betamethasone*.

- Bahan-bahan tidak aktif
- Sodium starch glycolate
 - Lactose
 - Tween 80
 - Corn starch
 - Magnesium stearate
 - F D & C Blue 1

- Nombor MAL
MAL19870588A

Pengilang

Upha Pharmaceuticals MFG. (M) Sdn. Bhd.(53667-M)
Lot 2&4, Jalan P/7, Section 13,
Bangi Industrial Estate,
Bandar Baru Bangi
43650, Selangor Darul Ehsan.

Pemegang Pendaftaran Produk

Upha Pharmaceuticals MFG. (M) Sdn. Bhd.(53667-M)
Lot 2&4, Jalan P/7, Section 13,
Bangi Industrial Estate,
Bandar Baru Bangi
43650, Selangor Darul Ehsan.

Tarikh kemaskini RiMUP

28/10/2015

Nombor siri:

BPFK(R4/1)040915/00299